

# ‘Nilai kualiti khidmat penjawat awam mulai esok’

**Johor Bahru:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta rakyat untuk menilai sendiri kualiti perkhidmatan penjawat awam bermula esok, termasuk melaporkan segala kelemahan dan kecuaiian yang dikesan mereka dalam perkhidmatan diberikan.

Perdana Menteri berkata, ia mengambil kira ikrar penjawat awam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mereka selepas kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kira-kira 1.6 juta kakitangan dalam sektor itu kelmarin.

“Dalam pertemuan semalam (kelmarin), saya umumkan pengiktirafan kerajaan kepada penjawat awam, sekali gus me-

ngumumkan peningkatan pendapatan mereka.

“Ada ikrar janji penjawat awam (yang mana) mulai Isnin ini (esok) di setiap pejabat akan dipastikan mereka masuk pada waktunya dan meningkatkan prestasi perkhidmatan awam.

“Saya harap rakyat dapat menilai, sama ada di pejabat daerah, negeri dan Persekutuan jika ada kelemahan, segera buat laporan.

“Rakyat yang menunggu baik di (pejabat) JPJ, Imigresen, Kastam atau Pejabat Tanah buatlah penilaian. Jika rakyat lihat macam dulu juga, sudah pasti (rakyat) akan pertikaikan (penjawat awam), pendapatan sudah



*Penjawat awam berikrar tingkat mutu perkhidmatan selepas kerajaan umum kenaikan gaji. (Fotohiasan)*

ditingkatkan, namun mutu kerja macam dulu,” katanya,

Beliau berkata demikian ketika menutup Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024 di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga perlu mengambil tindakan segera sekiranya ada kecuai-

dan kelemahan dikesan, supaya nama baik penjawat awam dapat dipertahankan.

Selepas 12 tahun terikat tanpa semakan, pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dilaporkan menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Disember ini menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada 2013.